



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/06/53 (HQ)

DUA PENERIMA RUMAH BANTUAN TNB BERSYUKUR DAPAT MENJALANI PUASA RAMADAN DI RUMAH BAHARU

Peristiwa menyayat hati kejadian kebakaran yang memusnahkan sama sekali rumah mereka enam bulan lalu amat sukar dilupakan. Namum, pada hari ini Puan Rosnah binti Noh, 63, dan Puan Che Gayah binti Mat Rawi, 77, melahirkan kesyukurannya kerana dapat menyambut Ramadan dirumahbaharu mereka, setelah TNB membina semula kediaman mereka di Kampung Nelayan, Teluk Kumbar, Bayan Lepas, Pulau Pinang, menerusi Projek Baiti Jannati, Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016.

Melalui Projek Baiti Jannati, rumahnya yang ranap dalam kebakaran telah dibina baharu lengkap dengan tiga (3) bilik tidur, ruang tamu yang luas dan mempunyai kemudahan air serta elektrik.

Rumah Puan Rosnah binti Noh dan Puan Che Gayah binti Mat Rawi yang siap dibina dirasmikan hari ini oleh Ahi Dewan Undangan Negeri Kawasan Bayan Lepas, Pulau Pinang, Yang Berhormat Tuan Haji Nordin bin Haji Ahmad.

Pengurus Besar (Stesen Janaelektrik Gelugor) TNB, Jamal Yusoff dalam ucapannya berkata Projek Baiti Jannati adalah susulan daripada saranan kerajaan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk memperbaiki kediaman golongan sasaran.

Golongan sasaran ini antaranya calon-calon Asnaf terdiri daripada penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal dan warga emas. Untuk tahun 2016, di peringkat Negeri Pulau Pinang setakat ini empat (4) orang penerima yang layak telah dikenal pasti melibatkan penganjur dari pejabat Pengurus Besar Negeri (Pulau Pinang) dan Stesen Janaelektrik Gelugor, Pulau Pinang.

Dikeluarkan di Bayan Lepas, Pulau Pinang pada 2 Jun 2016

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)
media@tnb.com.my*